

# Dr. Mahathir tidak pernah menyusahkan saya – Abdullah

UM 27 FEB 2005

TANJUNG MALIM 26 Feb. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang memegang jawatan Penasihat Proton Holdings Bhd. (Proton) tidak pernah menyusahkannya atau memeningkan kepalanya seperti yang dilaporkan oleh media asing.

Perdana Menteri berkata, beliau sendiri telah meminta bekas ketuanya itu menerima jawatan sebagai Penasihat Proton selepas Dr. Mahathir bersara dari kerajaan dan mereka tidak pernah menghadapi sebarang masalah mengenainya.

“Tidak, tidak pernah (Dr. Mahathir memeningkan kepalanya).

“Saya melantik Tun Dr. Mahathir

menjadi Penasihat Proton, bukan hanya semalam dan tidak pernah pada bila-bila masa pun kita menghadapi masalah (seperti yang dilaporkan).

“Beliau menerima tawaran untuk menjadi penasihat kepada Proton hampir serta-merta selepas persaraannya, jadi jangan buat cerita-cerita seperti itu yang tentunya tidak benar dan menimbulkan lebih banyak masalah,” tegas Perdana Menteri.

Abdullah berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan pembukaan kilang Proton Tanjung Malim, di sini hari ini.

Media asing baru-baru ini menuduh bekas Perdana Menteri mencampuri

urusan pentadbiran Proton sehingga “memeningkan kepala” Abdullah seterusnya membawa kepada peletakan jawatan bekas Pengerusi Proton, Datuk Abu Hassan Kendut.

Abu Hassan didakwa melepaskan kedudukannya selepas tidak berpuas hati dengan tindakan Perdana Menteri yang mendengar ‘rayuan’ Dr. Mahathir supaya mengekalkan Tan Sri Tengku Mahaleel Tengku Ariff sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Proton.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir menafikan bahawa beliau pernah membuat rayuan kepada sesiapa bagi mengekalkan Tengku Mahaleel atau campur tangan dalam sebarang urusan pentadbiran

Proton.

Abu Hassan kemudiannya digantikan oleh bekas Pengerusi Eksekutif Bursa Saham Kuala Lumpur, Datuk Mohd. Azlan Hashim berkuat kuasa 7 Februari lalu.

Mengenai pelantikan Mohd. Azlan, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, beliau telah menasihatkan pengerusi baru itu memberikan perkhidmatan terbaik serta mengambil tanggungjawab untuk memajukan Proton.

“Dia perlu memberikan perkhidmatan kepada Proton dan menunjukkan prestasi yang baik sebagai pengerusi,” katanya.